

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

SOALAN

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memberi dana MITRA sejumlah RM5 juta untuk membina sebuah kuil di Putrajaya pada tahun ini. Adakah Kerajaan akan memberi dana tambahan pada tahun hadapan bagi tujuan yang sama.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L
PONNUSAMY, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL)**

Tuan Yang di-Pertua,

Persatuan Penganut Dewi Sri Maha Mariamman Devasthanam Wilayah Persekutuan Putrajaya telah mengemukakan permohonan geran bagi mendapatkan peruntukan daripada MITRA untuk pembinaan struktur bangunan dan dewan komuniti. Objektif projek ini adalah untuk menyediakan tempat ibadat untuk kegunaan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan sosial dan keagamaan bagi penganut beragama Hindu di Putrajaya dan kawasan yang berdekatan. Maka, permohonan ini masih dalam pertimbangan di peringkat MITRA dan Jabatan Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.